

## **M'sia-Filipina Perlu Maksimumkan Potensi Pelbagai Kepentingan Bersama**

**Bernama**

**Jun 12, 2014**

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Malaysia dan Filipina mempunyai peluang tidak terbatas untuk memaksimumkan potensi pelbagai kepentingan bersama yang terdapat antara kedua-dua negara.

Duta Besar Filipina ke Malaysia J. Eduardo Malaya berkata perkongsian kedua-dua negara dirangsang perdagangan dan pertukaran ekonomi yang cergas dan beliau bernasib baik berpeluang menyaksikan kebangkitan semula dalam hubungan Filipina-Malaysia.

"Sudah tentu masih terdapat beberapa cabaran namun perkara ini bukan sesuatu yang luar biasa dalam kalangan negara jiran," katanya ketika berucap pada sambutan ulang tahun ke-116 Kemerdekaan Filipina di Kompleks Kraf hari ini.

Turut hadir Menteri Dalam Negeri Datuk Dr Ahmad Zahid Hamidi yang mewakili kerajaan Malaysia dan Presiden Institut Hal Ehwal Demokrasi dan Ekonomi (IDEAS) Tunku Zain Al-Abidin ibni Tunku Muhriz, yang juga putera kedua Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.

Malaya juga berkata hubungan antara kedua-dua negara dan rakyatnya sudah dipertingkatkan terutama menerusi lawatan rasmi Presiden Benigno S. Aquino III ke Malaysia dalam bulan Februari yang dibalas dengan kunjungan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ke Manila pada bulan berikutnya.

Dalam ucapannya, Malaya turut berkata proses damai di Mindanao, yang menyaksikan pemeteraian Perjanjian Komprehensif mengenai Bangsamoro, berjaya dilakukan dengan bantuan Malaysia.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1045861>